

07/12/2001

TV3 sedia 41 program raya

Akmal Abdullah

SEBANYAK 41 rancangan khas disediakan untuk penonton Duniamu TV3 sempena musim Aidilfitri ini, sekali gus merencanakan persaingan dengan stesen televisyen tempatan lain dalam suasana menyambut hari lebaran.

Rancangan itu termasuklah muzikal, dokumentari, drama, filem, sitkom dan rangkaian filem Melayu klasik yang disiarkan bermula pada malam hari raya puasa sehingga hari raya keenam.

Aidilfitri yang dijangka bermula 16 Disember ini turut menyaksikan persiapan rapi stesen itu menyeimbangkan rancangan yang sesuai dengan semangatnya iaitu hiburan, maklumat, pengetahuan dan pendidikan.

Paling menarik, sudah tentu ialah rancangan yang digemari ramai iaitu Konsert Raya Joget Santai yang akan disiarkan pada hari raya pertama, jam 5 petang, selain rancangan Gitu-Gitu Senario Hari Raya, Sampaikan Aidilfitri, Festival Kesenian Melayu Sedunia dan Nostalgia Bintang-Bintang.

Semua rancangan itu juga bersempena Aidilfitri yang kemudiannya turut diikuti sambutan Hari Krismas dengan tema "...yang terbaik mewarnai saat-saat kemeriahan hanya di TV3...." berikutan dua perayaan itu pada penghujung 2001.

Pada malam raya, TV3 seperti saluran lain akan memulakan agenda Aidilfitri dengan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jam 8.30 malam, diikuti takbir raya, Majalah 3 Raya secara langsung dari Sri Pentas.

Pada malam raya juga disajikan telemovie berjudul Berakhirnya Sebuah Ramadan menerusi slot Aidilfitri Blockbuster, jam 10 malam, diikuti jam 12.30 malam dengan rancangan Istimewa Aidilfitri - Sampaikan Aidilfitri Live.

Pada hari raya pertama, sebelah paginya dihidangkan rancangan bercorak keagamaan Laman Nurani Special diikuti takbir raya dan Malaysia Hari Ini Raya Special. Kemudiannya, jam 10 malam disediakan dokumentari Fajar Syawal dan Panorama - Insaf.

Melodi Raya yang dibuat rakaman di sebuah hotel di Kuala Lumpur baru-baru ini akan disiarkan pada 12 tengah hari, diikuti slot Panorama Aidilfitri Special yang menyiarkan konsert Ziana Zain In The Park, jam 12.32 tengah hari.

Raya Bersama Nona bermula jam 2 petang hari raya pertama, diikuti Konsert Raya - Joget Santai, jam 5 petang. Terdahulu, filem Puteri Impian 2 lakonan Amy Mastura dan Cico akan menemui penonton jam 3 petang.

Sepanjang hari raya pertama juga, sambil penonton menikmati lemang bersama rendang, tentunya anda tidak terlepas mengikuti rancangan Gitu-Gitu Senario Hari Raya, jam 9 malam.

Dua filem popular akan turut disiarkan pada hari raya pertama iaitu Pasrah (10 malam) dan Nafas Cinta (12.30 malam).

Hari Raya kedua menyaksikan susunan rancangan yang tidak kurang hebatnya iaitu Raya Kids - Ali Baba & The Pirates (Bahagian 1) yang disiarkan sebelah pagi diikuti Nostalgia Bintang-Bintang, jam 11.32 pagi.

Pada tengah hari, acara Festival Kesenian Melayu Sedunia ke udara menerusi Panorama Aidilfitri Special, jam 12.30 tengah hari. Anita Sarawak Gala Night pula pastinya ditunggu dalam slot Istimewa Aidilfitri, jam 2 petang.

Sepanjang hari raya kedua juga disediakan dokumentari Afghan: Potret Pelarian (5 petang), Identiti Ketupat Madu Rendang Hempedu (7 malam) dan

Senario On The Street (11 malam).

Dua filem, masing-masing arahan Datuk Yusof Haslam dan Erma Fatima juga disiarkan pada hari raya kedua iaitu Bara (9 malam) dan Perempuan Melayu Terakhir (12.30 malam).

Pada raya ketiga, antara pengisian menarik ialah telemovie Janda Anak Lima (11.32 pagi), Konsert Sayang Di Sayang Senario (2 petang), drama Hari Raya Datang Lagi (3 petang) dan muzikal Irama Malaysia Raya (5 petang).

Filem Senario The Movie menghiasi TV3 pada malam raya ketiga, jam 9 malam serta filem Bollywood, Bichoo, jam 12.30 malam.

Slot Edisi yang disiarkan pada raya keempat menyajikan persembahan Ferhad, jam 1 petang manakala Konsert Senario In Singapore, muncul jam 2 petang.

Filem arahan Shuhaimi Baba, Mimpi Moon disiarkan jam 3 petang manakala telemovie Lambaian Syawal ke udara jam 10 malam.

Pada 5 Syawal, antara rancangan menarik ialah dokumentari Profil Jamal Abdillah, drama Tiga Duri Di Hati Bonda serta rancangan hiburan popular, Muzik Muzik 2001. Pada raya keenam drama Lambaian, Tiga Hati Ditusuk Duri dan Al-Kuliyah Special bertajuk Nur Syawal menyusul.

(END)